

15/03/1997

Usah persoal siapa harus banteras

KOTA KINABALU, Jumaat - Orang ramai tidak sepatutnya mempersoal serta menggunakan isu pihak mana sewajarnya terbabit dalam membanteras gejala sosial, sehingga mengetepikan isu sebenarnya yang perlu diutamakan.

Ketua Menteri, Datuk Yong Teck Lee, berkata persoalan utama yang perlu diselesaikan sekarang ialah membanteras semua gejala sosial di kalangan remaja di negara ini termasuk perbuatan merosakkan harta benda.

"Sekarang bukanlah masanya menuding jari menyalahkan ibu bapa atau mempersoalkan siapa yang sepatutnya terbabit mengawalinya, sebaliknya sama-sama bertindak serta berusaha mencegah gejala itu daripada terus merebak," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melancarkan Majlis Pecah Tanah Dewan Serbaguna Kepayan Ridge Fasa II bernilai RM1.5 juta dekat sini, hari ini.

Hadir sama Timbalan Ketua Menteri, Datuk Ghapur Salleh; Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, Datuk Lajim Ukin serta Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Yahya Hussin.

Yong berkata, orang ramai sepatutnya tidak memperbesarkan isu sampingan seperti menyalahkan guru dan ibu bapa apabila berlaku gejala sosial di kalangan pelajar, tetapi bersama-sama memikirkan kaedah yang sesuai bagi membanterasnya.

"Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam ucapannya di Perhimpunan Khas Barisan Nasional di ibu negara, baru-baru ini, meminta komitmen semua pihak mengambil peranan dalam isu itu.

"Ia bukan hanya menjadi masalah ibu bapa, guru dan polis sebaliknya menjadi masalah negara kerana ia membabitkan pemimpin pelapis pada masa depan," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, Yong menggesa semua jawatankuasa penduduk menggunakan dewan orang ramai di kawasan mereka sebagai pusat kegiatan masyarakat.

Beliau berkata, selain menjadi tempat bermesyuarat dan aktiviti penduduk, ia juga perlu dijadikan tempat menimba ilmu, pertemuan sosial dan kegiatan sukan yang boleh mengeratkan perpaduan serta persefahaman di kalangan penduduk.

"Dewan Orang Ramai sudah sewajarnya menjadi institusi penting yang boleh menghapuskan prasangka kaum dan agama supaya kehidupan masyarakat lebih harmoni dan muhibah," katanya.

Menurutnya, Dewan Orang Ramai perlu dihidupkan dengan pelbagai aktiviti kerana ini akan mengalakkan remaja ikut dan ini dapat mengelak mereka terbabit dengan kegiatan tidak diingini.

(END)